

## **HAK PEWARISAN WANITA: ANTARA KETETAPAN SYARIAT DENGAN TUNTUTAN PERUBAHAN SOSIAL**

Mohd Anuar Ramli\*

Mohammad Aizat Jamaludin\*\*

Muhammad Ikhlas Rosele\*\*\*

- \* Pensyarah, (PhD), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mel: mohdanuar@um.edu.my. No. Tel: +60379676037. No. Faks: +60379676141.
- \*\* Pegawai Penyelidik, Msh. Laboratori Polisi dan Pengurusan, Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.
- \*\*\* Mahasiswa, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

### **Pengenalan**

Dalam sejarah peradaban silam, kaum wanita tidak mendapat hak yang sewajarnya di dalam masyarakat. Ini termasuklah penafian hak untuk pemilikan dan kehartaan, malah lebih parah wanita diperlakukan seperti harta serta boleh diwarisi. Dalam amalan masyarakat dunia, terdapat dua bentuk pewarisan harta yang mana ia selari dengan sistem masyarakat itu sendiri, iaitu sistem bilateral dan unilateral. Masyarakat yang mengamalkan sistem bilateral (parental), mereka yang berhak menjadi ahli waris adalah golongan lelaki dan wanita, sedangkan dalam masyarakat yang berdasarkan sistem unilateral, hanya golongan lelaki yang berhak mewarisi bagi masyarakat patrilineal, sedangkan dalam manakala bagi masyarakat matrilineal, hanya golongan perempuan mewarisi pusaka.

Pada dasarnya, sistem pewarisan pra-Islam berdasarkan elemen nasab dan sebab. Nasab biasanya dikhususkan kepada golongan lelaki sahaja kerana sumbangan mereka terhadap keselamatan keluarga terutama keterlibatan dalam peperangan serta perebutan kawasan air dan ragut. Manakala sebab pula merangkumi sumpah setia dan pengangkatan anak.

Dengan kedatangan Islam, al-Qur'an dengan jelas memperuntukkan hak kehartaan kepada kaum wanita.<sup>1</sup> Daripada berstatus komoditi yang dijadikan barang warisan, Islam memberi pelbagai hak warisan terhadap wanita. Ada 1/2, 2/3, 1/4/ 1/6 dan 1/8. Pembahagian ini yang dahulunya dilihat berjaya membebaskan wanita dan mengangkat

---

<sup>1</sup> Surah al-Nisā' dikenali juga sebagai *al-Nisa' al-Kubra* untuk membezakannya daripada surah al-Talaq yang dikenali sebagai *al-Nisā' al-Sughrā*.

martabat mereka, tidak lagi relevan dengan perubahan sosio-budaya masa kini. Selain perubahan sosio-budaya, perbezaan sosial antara masyarakat Islam di Timur Tengah dengan masyarakat Islam di Timur, khususnya Nusantara antara faktor menyumbang kepada ketidakrelevanan ini. Kaum wanita di Nusantara terlibat aktif dalam sektor ekonomi atau ruang publik.

Pembahagian hak warisan wanita yang tidak sama berbanding lelaki turut mendapat perhatian golongan feminis. Mereka berpandangan, hukum Islam berkaitan dengan pusaka perlu diberi nafas baru sesuai dengan perkembangan semasa. Persamaan hak antara lelaki dan wanita perlu diutamakan untuk menjamin keadilan dan kesetaraan gender dalam masyarakat Islam.

Walaupun begitu, sekiranya berlaku perubahan sosio-budaya dalam masyarakat, yang mana golongan perempuan sebagai pencari nafkah utama, atau pencari nafkah sampingan, adakah asas ajaran Islam atau ketetapan nas itu boleh berubah bagi menjamin keadilan gender? Timbul persoalan di sini, adakah ajaran Islam yang tidak berkeadilan gender? Atau konstruksi sosio-budaya yang tidak Islami menyebabkan ketidakadilan gender? Justeru, yang mana perlu diubah dan dipinda bagi menjamin keadilan gender, sama ada ketetapan nas yang *rigid* atau struktur dan sistem masyarakat yang diskriminatif?.

Justeru, sebagai satu sistem hidup yang komprehensif, syariat Islam telah memberikan panduan yang holistik. Amalan dalam kehidupan masyarakat Islam perlu dilihat secara integratif, bukan terpisah antara satu sama lain. Hak kehartaan ini hakikatnya berkait rapat dengan tanggungjawab kekeluargaan. Kelebihan hak berimbang dengan kelebihan tanggungjawab. Justeru, kelebihan hak secara matematik tersebut (1:2), berimplikasi pada kewajipan kehartaan lelaki terhadap wanita. Dan jumlah ini juga bersesuaian dengan tanggung jawab yang minimum diperuntukan kepada perempuan. Ini adalah asas yang ditetapkan Islam walaupun dipandang tidak setara oleh golongan feminis.

## **Pewarisan Dalam Syariat Islam**

Dalam perbincangan fiqh klasik mahupun kontemporari, persoalan pewarisan tidak banyak berbeza sama ada dalam senarai ahli waris atau kadar yang diterima oleh lelaki dan wanita. Persamaan dalam hukum ini timbul kerana ketetapan yang berhubungan dengan pewarisan kebanyakannya berasaskan nas al-Qur'an dan al-Sunnah.

Dalil-dalil daripada al-Qur'an berhubung pewarisan terdapat di dalam satu surah sahaja iaitu surah al-Nisā' ayat 7, 11, 12 dan 176.<sup>1</sup> Asas hukum ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT, mafhumnya:<sup>2</sup>

Orang lelaki ada bahagian dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya, dan bagi orang wanita ada bahagian (juga) dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah).

Dalam ayat lain, Allah SWT telah berfirman yang mana mafhumnya:<sup>3</sup>

Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai dengan bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak perempuan itu lebih dari dua orang, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati; jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya separuh harta itu. Dan bagi ibubapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya mendapat seperenam dari harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak. Tetapi jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibubapanya (sahaja), ibunya mendapat bahagian sepertiga. Jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara, maka ibunya mendapat seperenam.

Namun begitu, dalam perkembangan semasa, isu pewarisan menjadi polemik hangat dalam wacana gender. Fenomena ini timbul kerana perubahan sosio-budaya masyarakat masa kini yang berbeza dari masyarakat zaman penurunan wahyu, yang mana kaum wanita tidak lagi tinggal di rumah sahaja, malah terlibat bersama-sama dan kadangkala berseorangan mencari nafkah keluarga. Perubahan fungsi dan tanggung jawab wanita tersebut menimbulkan penilaian semula terhadap hukum Islam.

Dengan kata lain, kaum wanita sama-sama terlibat dalam mu'amalah harian di luar rumah tangga. Justeru, berdasarkan perkiraan matematik, nisbah lelaki wanita 2 : 1 tidak lagi relevan dan tidak menjamin keadilan kepada kaum wanita. Sedangkan Islam merupakan agama yang adil. Berdasarkan asas ini, sejauh mana perubahan dapat dilakukan

---

<sup>2</sup> Al-Qur'an al-Karim, al-Nisa' (4): 7.

<sup>3</sup> Al-Qur'an al-Karim, al-Nisa' (4): 11.

terhadap *fiqh al-fara'id*? Ini kerana kebanyakan ketetapan dan nisbah bahagian warisan disebut secara jelas oleh nas.

### Pewarisan Perspektif Mufassir

Merujuk kepada ayat 11, surah al-Nisa', para mufassir klasik bersepakat dalam penerimaan nisbah 2:1 antara lelaki dan wanita. Ini kerana ayat tersebut secara jelas menunjukkan nisbah tersebut. Begitu juga dengan pandangan mufassir kontemporari, majoriti menerima pembahagian tersebut. Namun begitu terdapat segelintir yang memberikan tafsiran yang berbeza terhadap ayat tersebut. Perbezaan ini adalah bersandarkan kepada pentafsiran yang berkeadilan gender.

Menurut mufassir seperti al-Tabari<sup>4</sup> dan Rida<sup>5</sup> menyatakan formula 2:1 tidak bersifat diskriminasi terhadap wanita dan tidak menunjukkan inferioriti wanita berbanding lelaki. Formula itu berdasarkan keadilan yang timbal balik (*reciprocal*) antara hak dan kewajipan. Lelaki bertanggungjawab terhadap urusan kewangan dan nafkah.<sup>6</sup> Manakala al-Razi berpendapat nisbah berbeza kerana kaum lelaki lebih sempurna akhlaknya, akalnya, agamanya berbanding wanita. Bahkan wanita kurang akal dan banyak keinginannya serta boleh menjerumuskan kepada kerosakan.<sup>7</sup> Pandangan ini ditolak oleh 'Abduh.<sup>8</sup> Menurut al-Qaradawi, kelebihan ini bukannya disebabkan lelaki lebih mulia dari wanita, sebaliknya ia selari bersama pertambahan tanggungjawab.<sup>9</sup>

Dalam rangka menampilkan tafsiran yang "berkeadilan gender", Amina Wadud menekankan pembahagian yang dibuat perlu mengambil kira manfaat dan keadilan terhadap ahli waris.<sup>10</sup> Manakala Muhammad Syahrur dalam bukunya *al-Kitab wa al-Qur'an* menegaskan ayat pewarisan 2:1 tersebut adalah batasan minimum (*al-hadd al-adna*) bagi wanita dan batasan maksimum (*al-hadd al-a'la*) bagi lelaki dalam konteks

<sup>4</sup> Abu Ja'far Muhammad b. Jarir al-Tabari (2001), *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Qur'an*. Kaherah: Dar Hadrat, juz. 6, hh. 456-459.

<sup>5</sup> Muhammad 'Abduh & Muhammad Rasyid Rida (1947), *Tafsir al-Manar*. c. 2, Kaherah: Dar al-Manar, juz. 4, hh. 406-407.

<sup>6</sup> Muhammad Rasyid Rida (1948), *Nida' li al-Jins al-Latif: Huquq al-Nisa' fi al-Islam*. Beirut: al-Maktab al-Islami, h. 21; Huzaemah T. Yanggo (2001), *Fiqh Perempuan Kontemporari*. Jakarta: al-Mawardi Prima, hh.109-111.

<sup>7</sup> Muhammad al-Razi Fakhr al-Din (t.t.), *Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghayb*. (t.t.p): Dar al-Fikr, juz. 9, h. 214.

<sup>8</sup> 'Abduh & Rida (1947), *op.cit.*, juz. 4, hh. 406-407.

<sup>9</sup> Yusuf al-Qaradawi (1996), *Markaz al-Mar'ah fi al-Hayat al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

<sup>10</sup> Amina Wadud (1992), *Qur'an and Woman*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hh. 87-88.

tersebut. Batasan ini boleh disesuaikan berdasarkan keadaan ekonomi, tanggung jawab keluarga, suasana tempat atau masa tertentu. Ia boleh berubah menjadi sama rata.<sup>11</sup> Lontaran penyelesaian ini diterima baik kalangan golongan feminis dalam mencari tafsiran yang beorientasikan keadilan gender, tetapi ditolak oleh para ulama kontemporari.

### Pewarisan dalam masyarakat Nusantara

Dalam amalan masyarakat Nusantara, terdapat beberapa bentuk pewarisan yang berasaskan undang-undang adat. Ada yang mengutamakan jalur keturunan bapa, ada yang mengutamakan jalur ibu dan ada yang mengambil kira kedua-dua golongan. Di antaranya:

- a) Di Minangkabau: Golongan lelaki tidak menjadi ahli waris bagi pusaka tinggi. Bapa hanya mewariskan atau menghibahkan harta pencariannya sahaja kepada anak-anak.<sup>12</sup>
- b) Di Tapanuli: Golongan wanita tidak menjadi ahli waris.
- c) Di Sabu: Anak perempuan mendapat warisan dari ibunya, anak lelaki dari bapanya.
- d) Di Makassar: Golongan lelaki dan wanita sama. Anak lelaki mendapat harta berbentuk sawah dan kebun, anak perempuan mendapat rumah, hiasan dan peralatan wanita. Sekiranya tidak sama, harta itu akan dijual dan dibahagi sama rata.<sup>13</sup>

Dalam amalan dan tradisi masyarakat Melayu, terdapat beberapa bentuk pembahagian alternatif yang dilakukan selain dari kaedah fara'id. Pendekatan ini dilakukan sebagai simbol kasih sayang terhadap anak-anak tanpa mengira perbezaan gender. Di antaranya, hibah kepada anak perempuan sebelum meninggal ataupun dalam keadaan lain, saudara lelaki bertolak ansur dan melepaskan hak untuk diberikan sama rata kepada saudara perempuan. Pendekatan muafakat atau *musolahah* ini tidak bercanggah dengan syariat kerana ia melibatkan pemberian dan pelepasan hak secara rela.

---

<sup>11</sup> Muhammad Syahrur (1994), *al-Kitab wa al-Qur'an: Qira'ah Mu'asarah*. Damsyik: al-Ahali li al-Tiba'ah, hh. 458 & 602-603.

<sup>12</sup> Tsuyoshi Kato *et al.* (2005), *Adat Minangkabau dan Merantau Dalam Perspektif Sejarah*. Jakarta: PT Balai Pustaka, hh. 189, 215 & 245.

<sup>13</sup> Abu Hamid (2005), *Syeikh Yusuf Makassar: Seorang Ulama, Sufi dan Pejuang*. e.2, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, hh. 32-33.

Menurut Quraish Shihab, jika seluruh ahli waris bersetuju untuk melepaskan hak dan membahagikan menurut ratio yang lain, pada prinsipnya dibenarkan. Namun bila salah seorang tidak bersetuju, maka pembahagiannya mesti dilaksanakan berdasarkan tuntutan agama.<sup>14</sup> Walaupun begitu, jika pembahagian secara sama itu bertitik tolak dalam menilai kadar pembahagian yang ditetapkan oleh Allah SWT itu tidak adil atau keliru, hukumnya murtad. Ini kerana menolak ketetapan Allah SWT.<sup>15</sup>

Dalam usaha untuk mengaktualisasikan hukum Islam di Indonesia, Munawir Syadzali yang mempertimbangkan perubahan sosio-budaya dalam masyarakat dan berdasarkan pengalamannya yang khusus telah mengajukan rumusan baru 1:1, yang mana anak lelaki dan wanita mendapat warisan yang sama. Pandangan beliau bersandarkan konsep *al-Maslahah al-Tufi* (m. 716H). Sekiranya berlaku pertentangan antara nas dengan *maslahah*, dipegangi *maslahah*.<sup>16</sup> Pandangan beliau menimbulkan kontroversi dan banyak pihak tidak berpuas hati dan menyanggah rumusan beliau kerana membelakangkan ketetapan nas.<sup>17</sup>

### Rasionaliti Pewarisan Wanita Dalam Islam

Keadilan dalam Islam ini perlu dilihat secara menyeluruh. Ini disebabkan lelaki bila berkahwin, maka harta warisan yang diperolehi dari orang tuanya akan dipergunakan untuk membayar mahar dan nafkah isterinya bahkan bila ada anak, harta tersebut digunakan untuk membiayai anak-anaknya,<sup>18</sup> sedangkan anak perempuan tiada tanggung jawab kewangan.<sup>19</sup> Apabila berkahwin, harta warisan yang diperolehi dari orang tuanya tidak terpakai kerana dia mendapat nafkah dari suaminya, bahkan dia mendapat mahar dari suaminya.<sup>20</sup> Anak perempuan tidak dipertanggungjawabkan nafkah berbanding anak

---

<sup>14</sup> Muhammad Quraish Shihab (2004), *Mistik, Seks, dan Ibadah*. Jakarta: Penerbit Republika, hh. 86-87.

<sup>15</sup> *Ibid.*, hh. 88-89.

<sup>16</sup> A. Qodri Azizy (2003), *Reformasi Bermazhab*. Bandung: Teraju Mizan, hh. ix-x.

<sup>17</sup> Yudian Wahyudi (2007), *Hasbi's Theory of Ijtihad in The Context of Indonesian Fiqh*. Yogyakarta: Pesantren Nawesea Press, h. 29.

<sup>18</sup> Mustafa 'Asyur (1988), *Ilm al-Mirath*. Kaherah: Maktabah al-Qur'an, h. 9.

<sup>19</sup> Badre Alam Khan (2005), *Economic Rights of Women under Islamic Law and Hindu Law*. New Delhi: Adam Publishers, h. 49.

<sup>20</sup> Salah al-Din Sultan (1999), *Nafaqah al-Mar'ah wa Qadiyyah al-Musawat*. Kaherah: Dar Nahdah Misr, hh. 54-56; Busthanul Arifin (1996), *Perlembagaan Hukum Islam di Indonesia: Akar Sejarah, Hambatan, dan Prospeknya*. Jakarta: Gema Insani Press, hh. 131-132.

lelaki.<sup>21</sup> Perbezaan peratusan ini bukan kerana inferioriti wanita, sebaliknya dalam beberapa keadaan lain, anak perempuan akan dapat peratusan yang sama malah lebih dari anak lelaki.

Namun begitu, pembahagian dengan nisbah lelaki wanita 2 : 1 bukanlah bersifat standard (*uniform*) dalam semua keadaan. Dalam keadaan tertentu, bahagian wanita sama seperti lelaki.<sup>22</sup> Contohnya:

- a) Bahagian kedua ibu bapa adalah sama iaitu (1/6) sekiranya si mati mempunyai anak.<sup>23</sup> Pembahagian ini berdasarkan firman Allah SWT yang mana mafhumnya:<sup>24</sup>

Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya, satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak.

- b) Bahagian saudara lelaki seibu dengan saudara wanita seibu satu per enam (1/6), dalam keadaan mereka mewarisi dari saudara mereka sekiranya tiada ibu bapa atau anak. Firman Allah SWT yang mana mafhumnya:<sup>25</sup>

Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau wanita, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara wanita (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu per enam.

Dalam keadaan lain, bahagian wanita lebih tinggi daripada lelaki. Contohnya:

- a) Sekiranya mati seorang wanita dan meninggalkan suami, ibunya, dua orang saudara lelaki seibu sebapanya, saudara wanita seibunya. Dalam keadaan ini, saudara wanita seibu mendapat 1/6, manakala dua orang saudara lelaki seibu sebapa berkongsi 1/6.
- b) Sekiranya mati seorang wanita dan meninggalkan suami, saudara wanita seibu sebapa, saudara lelaki sebapa. Dalam keadaan ini, suami mendapat 1/2, saudara wanita seibu sebapa mendapat separuh baki selepas bahagian suami, dan saudara lelaki sebapa tidak mendapat warisan kerana ‘asabah dan tiada baki. Sekiranya di

<sup>21</sup> Afsar Bano (2003), *Status of Women in Islamic Society*. v. 1, New Delhi: Anmol Publications, hh. 320-322.

<sup>22</sup> Muhammad Mutawalli Sya‘rawi (t.t.(a)), *al-Mar’ah wa al-Rajul wa Khusum al-Islam*. Iskandariah: Dar al-Nadwah, h. 101.

<sup>23</sup> Muhammad Abu Zahrah (t.t.), *Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi, hh. 129-130

<sup>24</sup> Al-Qur’ān al-Karim, al-Nisa’ (4): 11.

<sup>25</sup> Al-Qur’ān al-Karim, al-Nisa’ (4): 12.

tempat dia saudara wanita, ia akan mendapat 1/6 yang dikembalikan kepadanya (*al-'awl*).<sup>26</sup>

Salah al-Din Sultan telah mengklasifikasikan keadaan ini dengan lebih terpeinci, iaitu:

- i) Hak wanita 1/2 berbanding lelaki ada empat keadaan, iaitu:
  - a. Ketika waris adalah anak perempuan (1) bersama dengan anak lelaki (2).
  - b. Ketika waris adalah bapa (2/3) bersama dengan ibu (1/3) dan si mati tidak ada anak-anak, suami mahupun isteri.
  - c. Ketika waris adalah adik-beradik wanita si mati yang seibu dan sebapa ataupun sebapa (1), bersama dengan adik-beradik lelaki seibu dan sebapa atau sebapa (2).
  - d. Ketika dalam keadaan-keadaan nisab yang telah ditetapkan wanita  $\frac{1}{2}$  berbanding lelaki, iaitu dalam kes yang waris adalah suami atau isteri sama ada bersama mereka anak (1/4-1/8) ataupun tiada anak (1/2-1/4).
- ii) Hak wanita sama seperti lelaki ada empat keadaan, iaitu:
  - a. Dalam keadaan waris adalah bapa (1/6) bersama dengan ibu (1/6) yang mana si mati mempunyai seorang anak lelaki, atau dua orang anak perempuan atau lebih, ataupun seorang anak perempuan dalam kes-kes tertentu (iaitu apabila si mati itu wanita yang meninggalkan suami, ibu, bapa dan seorang anak perempuan).
  - b. Dalam keadaan waris adalah adik-beradik wanita seibu bersama dengan adik-beradik lelaki seibu dalam setiap keadaan.
  - c. Dalam keadaan waris adalah seorang sahaja samada lelaki atau wanita, ini kerana mereka akan mengambil seluruh harta yang ditinggalkan oleh si mati. Maka jumlah harta yang diwarisi adalah sama, tidak ada beza antara lelaki ataupun wanita.
  - d. Dalam keadaan-keadaan lain:
    - Sama jumlah harta yang diwarisi oleh adik beradik wanita seibu sebapa dengan adik beradik lelaki seibu sebapa.

---

<sup>26</sup> Muhammad al-Syahhat al-Jundi (t.t.), *al-Mirath fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 98.

- Sama jumlah harta yang diwarisi oleh adik-beradik wanita seibu dengan adik beradik lelaki seibu-sebapa tanpa ada perkongsian.
  - Sama bilangan lelaki dan wanita yang pasti akan mendapat harta pusaka (tidak *mahjub* selamanya)
- iii) Hak wanita lebih banyak dari lelaki ada empat keadaan, iaitu:
- a. Waris wanita yang mendapat  $\frac{2}{3}$  lebih banyak bahagiannya daripada waris lelaki mendapat '*asabah*', dalam kes-kes tertentu.
  - b. Waris wanita yang mendapat  $\frac{1}{2}$  lebih banyak daripada waris lelaki mendapat '*asabah*', dalam kes-kes tertentu.
  - c. Waris wanita yang mendapat  $\frac{1}{3}$  kadang-kadang lebih besar bahagiannya berbanding lelaki yang mendapat '*asabah*', dalam kes-kes tertentu.
  - d. Waris wanita yang mendapat  $\frac{1}{6}$  kadang-kadang lebih besar bahagiannya berbanding lelaki yang mendapat '*asabah*', dalam kes-kes tertentu.
- iv) Wanita sahaja yang mewarisi sedangkan lelaki tidak mewarisi.

Di antaranya, pewarisan nenek. Dalam masalah penentuan datuk yang sah dari aspek ilmu perwarisan dan penentuan nenek yang sah. Penentuan datuk yang sah adalah di mana tidak diselangi pada nasabnya ibu, ini bermakna ayah kepada ibu digelar sebagai datuk yang rosak (tidak boleh menerima pusaka). Sedangkan nenek yang rosak hanya apabila diselangi pada nasabnya datuk yang rosak dahulu. Ini menunjukkan nenek akan mewarisi harta dalam semua keadaan, berbeza dengan datuk.<sup>27</sup>

Kepelbagaian dalam pembahagian ini menggambarkan keadilan syariat Islam kerana tidak statik dalam menetapkan hak lelaki dan wanita. Sesuai dengan prinsip keadilan, iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya, kelebihan dan kekurangan bahagian pusaka (hak) adalah bertimbang-balik dengan tanggungjawab. Justeru, sistem pewarisan Islam dengan nisbah 2:1 di antara lelaki dan wanita walaupun secara matematiknya dilihat tidak adil, tetapi ia perlu dilihat sebagai pelengkap bersama dengan sistem kekeluargaan Islam. Tanggungjawab nafkah sebagai sistem jaminan kekeluargaan (*al-takaful al-'a'ili*)

---

<sup>27</sup> Salah al-Din Sultan (1999), *Mirath al-Mar'ah wa Qadiyyah al-Musawat*. Kaherah: Nahdah Misr, hh. 18-44.

terhadap orang wanita sama ada anak perempuan dan susur galur ke bawah, isteri, adik beradik wanita, ibu dan ke atas adalah tertakluk kepada lelaki.<sup>28</sup>

## Kesimpulan

Syariat Islam telah menggariskan panduan yang lengkap dalam mengatur hubungan antara manusia sesama manusia, begitu juga sesama gender, lelaki dan wanita. Dalam hukum berkaitan dengan pewarisan, tiada hukum yang dapat diubah, khususnya berkaitan dengan pembahagian dalam nisbah 2:1. Ini kerana ia jelas diterangkan oleh nas dan tiada ruang untuk ijтиhad bagi perkara yang sudah jelas. Berdasarkan fakta ini, perubahan sosio-budaya dan sosio-historis dalam konteks ini, tidak menyebabkan berlakunya perubahan hukum.

Perubahan pola peranan di antara lelaki dan wanita dalam institusi kekeluargaan ini telah mengakibatkan timbulnya polemik perubahan hukum Islam terutama dalam aspek pewarisan. Sedangkan persoalan warisan telah jelas diuraikan di dalam al-Qur'an. Justeru, dalam konteks ini, ayat al-Qur'an yang bersifat abadi selamanya tidak dapat diubah untuk menyamaratakan pembahagian tersebut menjadi 1:1. Dalam keadaan ini, ia kembali kepada tolak ansur dalam kalangan ahli waris khususnya saudara lelaki untuk melepaskan haknya dan dibahagikan sama rata kepada wanita. Pendekatan berdasarkan muafakat ini telah lama diamalkan dalam masyarakat Melayu.

Selaras dengan itu, persoalan ketidakadilan sebenarnya bukan berdasarkan ketetapan 2:1 tersebut, sebaliknya ia bersumberkan sosio-budaya masyarakat. Masyarakat khususnya golongan lelaki perlu kembali kepada asas yang ditetapkan dalam Islam untuk memikul tanggungjawab nafkah kesan kelebihan yang dikurniakan Allah SWT. Ini kerana kelebihan dalam pewarisan itu, berhubungkait dengan tanggungjawab nafkah dalam rumah tangga.

Justeru itu, perbezaan nisbah 2:1 ini sengaja diperbesar-besarkan sama ada oleh orientalis maupun golongan feminis, sedangkan hakikatnya dalam pembahagian harta pusaka umumnya tidak melibatkan kes yang serupa pada setiap masa. Terdapat beberapa keadaan yang mana dilihat lelaki dan wanita mempunyai hak yang sama, malah kadangkala wanita mempunyai hak yang lebih tinggi, namun tidak diperbesarkan. Justeru, berdasarkan fakta tersebut, adalah tidak adil dalam memperjuangkan kesetaraan gender dalam perspektif yang sempit.

---

<sup>28</sup> Muhammad Mutawalli Sya'rawi (t.t.(b)), *al-Mar'ah fi al-Qur'an*. Mesir: Maktabah al-Sya'rawi al-Islamiyyah, hh. 81-82.